

9 pekerja warga asing cedera saluran gas meletup

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

PETALING JAYA - Tujuh lelaki warga asing parah, dua lagi cedera selepas saluran gas meletup di kilang pembuatan makanan Old Town White Coffee di Jalan Subang 10, Subang Jaya di sini semalam.


Dalam kejadian pukul 8 pagi itu, kesemua mangsa yang terdiri daripada warga Myanmar dan Nepal berusia antara 21 hingga 30 tahun itu sedang melakukan kerja-kerja memasak produk makanan keluaran syarikat tersebut.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 8.04 pagi sebelum sepasukan anggota bomba dikerahkan ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba, pihak bomba mendapati tong gas memasak jenis domestik meletup di bahagian dapur kilang berkenaan sebelum mencetuskan api.

"Pihak bomba melakukan kerja-kerja menutup saluran gas sebelum memadamkan api. Pada masa itu api belum marak dan kita berjaya padamkan sebelum ia merebak ke bahagian lain," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, seramai tujuh pekerja asing melecun dihantar ke Hospital Serdang untuk tindakan lanjut manakala dua lagi pekerja yang mengalami keced-



KAKITANGAN kilang pembuatan makanan Old Town White Coffee berkumpul di hadapan bangunan tersebut ketika kejadian kebakaran di Jalan Subang 10, Subang Jaya semalam.



ANGGOTA bomba membantu mengangkat mangsa yang cedera ke dalam ambulans.

eraan ringan diberikan bantuan di lokasi kejadian.

"Siasatan masih dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian," ujarinya.

Sementara itu, Pengurus Be-

sar Kopitiam Asia Pacific Sdn. Bhd, Dawn Liew berkata, kira-kira 200 pekerja kilang berkenaan diarahkan pulang selepas insiden berkenaan bagi memberi ruang kepada pihak bomba menjalankan siasatan.

Katanya, kesemua mangsa yang terlibat dalam kejadian itu merupakan pekerja bahagian dapur dan mereka mempunyai pengalaman bekerja di kilang berkenaan lebih setahun.

"Selalunya mereka akan mula bekerja pada pukul 7 pagi dan kejadian itu berlaku ketika mereka sedang masak.

"Kejadian sebegini berlaku pertama kali dan ia hanya melibatkan bahagian dapur saja. Kita sendiri tidak tahu punca kejadian dan masih menunggu laporan daripada pihak bomba," katanya pula.